

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen Ke-14

KKM syor tangguh sesi 2 minggu

Sidang adalah perhimpunan berisiko tinggi penularan COVID-19

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mencadangkan semua sesi mesyuarat di Parlimen, termasuk Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan dan Pilihan Khas Parlimen, ditangguhkan selama dua minggu bermula Khamis lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata hasil penilaian risiko yang dilakukan selepas mengambil kira faktor epidemiologi serta persekitaran, mendapati sidang Parlimen adalah perhimpunan berisiko tinggi untuk pe-

nularan COVID-19.

"Penilaian risiko jangkitan COVID-19 di Parlimen akan dilakukan semula dari semasa ke semasa. Semua individu yang berada di Parlimen pada 26 hingga 29 Julai lalu, dinasihatkan memantau status kesihatan secara sendiri menggunakan aplikasi MySejahtera.

"Jika mengalami gejala, sila jalani pemeriksaan dan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran tempat tinggal masing-masing," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau turut menjelaskan mengenai penularan kes COVID-19 di Parlimen, bermula pada 29 Julai dengan dua kes positif hadir ke bangunan itu sebelum KKM mengambil keputusan segera untuk menjalankan saringan ujian sendiri RTK Ag saliva ke atas 1,183 individu di Parlimen.

Katanya, ujian itu mendapati sembilan lagi kes positif COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan kes positif adalah 11 kes dengan lima daripadanya

bergejala dan setakat ini seramai 48 kontak rapat telah dikenal pasti, namun siasatan dan pengesanan kontak rapat masih lagi diteruskan.

Pada 30 Julai, beliau berkata, saringan prapersidangan Dewan Negara sudah dijalankan ke atas 100 individu menggunakan ujian RT PCR dan mendapati sembilan kes positif COVID-19.

Mengulas lanjut mengenai risiko jangkitan COVID-19 di Parlimen, beliau menjelaskan, terdapat beberapa faktor yang boleh menjadi punca penularan wabak berkenaan.

"Keadaan dewan Parlimen yang tertutup, meningkatkan risiko jangkitan memandangkan virus SARS-CoV-2 tersebar atau menular melalui udara dan boleh kekal dalam persekitaran selama beberapa jam.

"Faktor lain ialah tempoh panjang berada di dalam dewan dan sekitar Parlimen, memberi risiko pendedahan berulang; perkongsian kemudahan asas seperti tandas, surau, kafe dan sebagainya

oleh ramai individu termasuk kes; penjarakan fizikal dalam dewan kurang satu meter antara satu sama lain walaupun terdapat penghadang meja; dan perkumpulan kecil kerap berlaku di dalam serta luar dewan," katanya.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, pergerakan kes di sekitar kawasan Parlimen juga berkeungkinan boleh menyebabkan pendedahan kepada individu lain.

"Ramai dalam kalangan yang hadir ke sidang Mesyuarat Khas Parlimen adalah dalam kategori warga emas dan berkemungkinan mempunyai faktor komorbid yang meningkatkan risiko jangkitan, di samping tidak semua individu yang hadir di Parlimen sudah menerima vaksinasi COVID-19 yang lengkap," katanya.

Dalam pada itu, katanya, beliau membuat pembentangan kepada 'Mesyuarat Penyelarasan Bagi Urusan Berkaitan Mesyuarat Khas Bagi Dewan Rakyat Berikutan Penularan Wabak CO-

VID-19' di Parlimen, 26 Julai lalu.

"Melalui mesyuarat ini, mereka yang hadir sudah dimaklumkan hasil saringan prapersidangan, risiko penularan COVID-19 serta kekhawatiran KKM. KKM turut mengemukakan cadangan, iaitu Sidang Khas Parlimen ditangguhkan hingga status liputan imunisasi sekurang-kurangnya 40 peratus, terutama di Lembah Klang.

"Ini mengambil kira peningkatan kes positif COVID-19 di seluruh Malaysia, terutama di Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan. Sekiranya Sidang Khas Parlimen diteruskan, jumlah kehadiran secara fizikal di Parlimen dikurangkan dan tempoh persidangan dipendekkan bagi mengurangkan tempoh pendedahan.

"Dicadangkan supaya sidang hendaklah dihentikan serta-merta jika ada kes positif COVID-19 yang dikesan, bagi mencegah risiko penularan dalam kalangan individu yang hadir di Parlimen," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Program vaksinasi di Istana Balai Besar Kelantan

Kota Bharu: Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V, memperkenankan pintu Istana Balai Besar dibuka kepada rakyat untuk kemudahan pelaksanaan program pemberian vaksin COVID-19 selama lima hari, bermula semalam.

Program itu membabitkan 2,000 individu meliputi rakyat, ahli keluarga kakitangan Istana Kelantan dan kerabat diraja.

Pengelola Istana Diraja Kelantan, Datuk Tengku Azmi Tengku Jaafar, berkata Istana Balai Besar adalah satu-satunya istana di negeri itu yang dibuka untuk kemudahan rakyat menerima vaksin berkenaan.

Katanya, Program Vaksinasi COVID-19 Kebangsaan anjuran Pejabat Sultan Kelantan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Kelantan itu adalah pelaksanaan fasa kedua.

Beliau berkata, pelaksanaan fasa pertama berlangsung pada 9 Jun lalu membabitkan 350 penerima vaksin terdiri daripada pegawai dan kakitangan Istana Kelantan.

"Fasa kedua bermula hari ini (semalam) dan akan berlangsung selama lima hari, membabitkan 2,000 penerima terdiri daripada keluarga kakitangan istana, kerabat diraja dan rakyat jelata.

"Sultan Kelantan turut menitahkan semua rakyat Kelantan di dalam dan luar negeri supaya mengambil serius berkenaan peningkatan jangkitan COVID-19 serta memainkan peranan masing-masing dalam melindungi diri sendiri dan keluarga.

"Baginda juga memuji rakyat Kelantan yang sudah mendaftar untuk divaksin," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Tengku Azmi berkata, Sultan Kelantan menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh barisan hadapan, terutama kakitangan Kementerian Kesihatan (KKM) yang berkhidmat tanpa mengenal penat lelah dalam usaha membendung penularan wabak itu.

Seterusnya, beliau memaklumkan bahawa Tengku Mahkota Kelantan, Dr Tengku Muhammad Fa'iz Petra juga amat prihatin terhadap masalah dan kekangan dihadapi KKM dalam usaha memastikan kelancaran proses pemberian vaksin COVID-19.

Penularan COVID-19

Pesakit kategori 4, 5 di Perak meningkat

17, 150 kes baharu dicatat, Selangor kekal tertinggi

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Penularan COVID-19 di negara ini belum nampakkan penurunan ketara apabila 17,150 kes baharu direkodkan, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua negeri dan Wilayah Persekutuan mencatat kes baharu, termasuk lima yang merekodkan angka harian empat angka.

Katanya, Selangor masih mendahului dengan 6,326 jangkitan baharu, diikuti Kuala Lumpur (2,086), Kedah (1,511), Johor (1,045) dan Sabah (1,002).

"Seterusnya, Negeri Sembilan (809), Pulau Pinang (752), Perak (693), Melaka (686), Pahang (676), Sarawak (578), Kelantan (459), Terengganu (429), Putrajaya (72), Perlis (21) dan Labuan (lima).

"Ia menjadikan jumlah kumulatif jangkitan COVID-19 di negara ini meningkat kepada

1,130,422 kes," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Meruosi entri berbeza di Facebook, Dr Noor Hisham berkata, Perak mencatat peningkatan kes COVID-19 kategori 4 dan 5 yang memerlukan rawatan kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU).

Setakat semalam, katanya, seramai 121 pesakit COVID-19 di Perak dirawat di ICU.

"Jabatan Kesihatan Perak dengan kerjasama kerajaan dan pelbagai agensi giat melakukan persiapan menghadapi peningkatan mendadak kes COVID-19 yang diramal dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi," katanya.

Beliau turut memuat naik beberapa gambar lawatan kerjanya ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh, Hospital Taiping, Hospital Tapah dan Hospital Slim River, malam kelmari.

Dr Noor Hisham berkata, sebuah bilik gerakan diwujudkan bagi memastikan ketersediaan katil untuk merawat pesakit COVID-19 di Perak.

Katanya, sebanyak 223 katil wad dan 42 katil ICU dikhaskan untuk COVID-19 di HRPB yang mulai merawat pesakit wabak itu mulai Januari tahun lalu.

"Hospital Taiping yang mula merawat pesakit COVID-19 pada

Mac tahun lalu mengalami peningkatan kemasukan pesakit sejak akhir Jun lalu.

"Sebanyak 237 kes baharu dilaporkan di daerah Larut, Matang dan Selama, termasuk 175 kes di mukim Taiping.

"Persiapan giat dilaksanakan bagi menghadapi peningkatan kes COVID-19 yang diramal memuncak dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi," katanya.

Beliau berkata, lima wad dengan kapasiti 120 katil dan 16 katil ICU dikhaskan untuk rawatan COVID-19 di Hospital Taiping setakat ini.

Dr Noor Hisham berkata, Hospital Tapah yang merawat pesakit COVID-19 mulai November tahun lalu mempunyai 100 katil dengan 28 katil dikhaskan untuk rawatan COVID-19.

"Secara kumulatif setakat Jun lalu, pesakit COVID-19 dirawat di hospital ini berjumlah 527 orang. Selain itu, hospital ini juga memberikan perkhidmatan kesihatan bagi Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Penjara Tapah," katanya.

Beliau berkata, persiapan giat dilaksanakan bagi menghadapi peningkatan kes di Hospital Slim River yang menerima rujukan kes COVID-19 kategori 3 hingga 5 dari Selangor, khususnya

Jabatan Kesihatan Perak dengan kerjasama kerajaan dan pelbagai agensi giat melakukan persiapan menghadapi peningkatan mendadak kes COVID-19 yang diramal dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



PKRC Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang dan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) Daerah Petaling.

Di Kuala Terengganu, Terengganu akan menambah satu lagi PKRC bermula hari ini susulan peningkatan mendadak kes positif.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Dr Alias Razak, berkata PKRC itu beroperasi di Institut Pendidikan Guru Sultan Mizan di Besut dengan kapasiti 392 katil.

"Sekiranya keadaan tidak terkawal, kita bercadang menambah dua lagi PKRC iaitu di Stadium Negeri, Kuala Terengganu (400 katil) dan Pusat Kokurikulum Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu di Hulu Terengganu (350 katil)," katanya ketika dihubungi BERNAMA, semalam.

Lonjakan jangkitan jejas kutipan darah

Kuala Lumpur: Peningkatan kes COVID-19 bagi tempoh 31 Mei hingga 25 Julai menyebabkan pengurangan kutipan darah yang ketara di seluruh negara, terutama di Lembah Klang berikutan tidak ramai tampil menderma darah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia antara lain didorong kebimbangan masyarakat dan penderma darah terhadap aspek keselamatan sepanjang proses menderma darah, selain pembatalan kempen derma darah oleh penganjur.

"Tren penurunan ini membimbangkan dan boleh menjejaskan keupayaan dalam perawatan pesakit," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) melalui

Pusat Darah Negara (PDN) dan tabung darah mengutamakan keselamatan penderma darah, penganjur kempen derma darah dan petugas bagi memastikan prosesnya selamat.

Katanya, setiap tabung darah perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) berdasarkan Garis Panduan Pencegahan Dan Kawalan Semasa Aktiviti Pendermaan Darah Bagi Mengekang Penularan Jangkitan Penyakit Berjangkit COVID-19-Annex 49 dalam usaha meningkatkan keselamatan orang ramai.

Dr Noor Hisham berkata, garis panduan itu dikemas kini baru-baru ini selari garis panduan antarabangsa yang antara lain memerlukan penderma darah dan petugas kesihatan sihat sebelum memasuki ruang pender-

maan darah.

"Ini termasuk melakukan saringan awal ke atas bakal penderma iaitu hanya yang tiada gejala, tiada jangkitan COVID-19 atau tiada kontak rapat dengan pesakit dalam masa 14 hari sahaja boleh meneruskan pendermaan darah.

"Kedatangan penderma ke lokasi dipantau dan dihadkan kepada bilangan tertentu pada satu-satu masa untuk memastikan penjarakan fizikal ketika proses pendermaan dipatuhi," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pendermaan darah berterusan diperlukan, walaupun negara menghadapi pandemik COVID-19 bagi membantu pesakit memerlukan, termasuk kes kecemasan yang mengalami pendarahan luar jangka seperti

kemalangan atau komplikasi ketika bersalin.

Selain itu, katanya, ia juga boleh digunakan untuk bayi pramatang yang kekurangan darah, pesakit talasemia, kanser, kegagalan buah pinggang dan mereka yang perlu menjalani pembedahan kritikal dan kompleks.

"Sejak kebelakangan ini, ramai pesakit COVID-19, terutama yang mempunyai latar belakang penyakit kronik memerlukan pemindahan darah," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, purata darah diperlukan setiap minggu untuk kegunaan pesakit di seluruh negara adalah 14,000 beg darah, termasuk di PDN yang memerlukan 3,500 hingga 4,000 beg darah setiap minggu bagi dibekalkan kepada hospital di Lembah Klang.

Terkini COVID-19

11,326

Pulih, dibenar keluar hospital, semalam

17,150

Kes baharu disahkan, semalam

9,184

Jumlah kematian dicatat

1,130,422

Jumlah kes disahkan positif

195,273

Kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

ICU sudah tak muat

Jumlah pesakit coronavirus kategori 4 dan 5 di Perak bertambah

Bernama

Ipoh

Perak mencatatkan peningkatan kes Covid-19 kategori 4 dan 5 yang memerlukan rawatan kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU), kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Setakat kelmarin, terdapat 121 pesakit Covid-19 di Perak yang sedang dirawat di ICU dengan kadar purata tujuh hari penggunaan katil ICU melebihi 100 peratus.

"Jabatan Kesihatan Negeri Perak dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan pelbagai agensi sedang giat melakukan persiapan bagi menghadapi peningkatan mendadak kes Covid-19 yang di ramalkan berlaku dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perkongsian di laman Facebook yang turut memuat naik beberapa gambar lawatan kerjanya ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh, Hospital Taiping, Hospital Tapah dan Hospital Slim River tengah malam kelmarin.

Katanya, sebuah bilik gerakan ditubuhkan bagi memastikan ketersediaan katil untuk merawat pesakit Covid-19 di Perak dan sebanyak 223 katil wad serta 42 katil ICU dikhaskan untuk rawatan Covid-19 di HRPB yang mula merawat pesakit wabak itu mulai Januari tahun lalu.

Dr Noor Hisham berkata bagi hospital lain di Perak, Hospital Taiping yang mula merawat pesakit Covid-19 pada Mac tahun lalu sudah mengalami peningkatan kes pesakit Covid-19 sejak akhir Jun.

"Sebanyak 237 kes baharu dilaporkan di daerah Larut, Matang dan Selama termasuk 175 kes adalah di mukim Taiping.

"Persiapan sedang giat dilaksanakan bagi menghadapi peningkatan kes Covid-19 yang di ramalkan memuncak dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi. Kerjasama semua pihak adalah penting dalam menghadapi peperangan getir yang mendatang," katanya.

Menurutnya, lima wad dengan kapasiti 120 katil dan 16 katil ICU dikhaskan untuk rawatan Covid-19 di Hospital Taiping setakat ini.



PETUGAS perubatan melakukan pemeriksaan ke atas pesakit di ICU Hospital Sungai Buloh.



“Kerjasama semua pihak penting menghadapi peperangan getir yang mendatang”
Dr Noor Hisham

pital ini berjumlah 527 orang. Selain itu, hospital ini juga memberikan perkhidmatan kesihatan bagi Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) Penjara

Tapah," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, persiapan juga sedang giat dilaksanakan bagi menghadapi peningkatan kes Covid-19 di Hospital Slim River yang turut menerima rujukan kes Covid-19 kategori 3 hingga 5 dari Selangor, khususnya PKRC Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) Serdang dan Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) Daerah Petaling.

Hospital berkenaan yang mula merawat pesakit Covid-19 pada April tahun

lepas, mempunyai kapasiti 250 katil iaitu 69 katil wad dan 4 katil ICU (diubah fungsi) telah dikhaskan untuk rawatan Covid-19.

500k suntikan untuk 6 hari berturut-turut

Kuala Lumpur: Jumlah vaksinasi harian Covid-19 di negara ini mencatat angka melebihi 500,000 dos selama enam hari berturut-turut dengan 519,111 dos suntikan diberikan kelmarin.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba menerusi perkongsian infografik di Twitternya berkata daripada jumlah yang diberikan kelmarin, sebanyak 316,492 adalah dos

pertama manakala 202,619 lagi dos kedua.

Secara kumulatifnya, sebanyak 20,533,660 dos sudah diberikan kepada penduduk di negara ini sejak Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) dimulakan pada 24 Feb lalu.

Jumlah itu meliputi 13,816,971 untuk suntikan vaksin dos pertama manakala 6,716,689 lagi bagi dos kedua.

Lelaki maut tepi jalan disah positif

Shah Alam: Seorang lelaki yang ditemukan terbaring tidak sedarkan diri di tepi Jalan 3 Tepi Laut, Tanjung Sepat, Kuala Langat, dekat sini, Rabu lalu meninggal dunia seperti tular di media sosial dan disahkan positif Covid-19.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat Superintendan Ahmad Ridhwan Mohd Nor berkata, kejadian itu dilaporkan orang awam kepada Balai Polis Tanjung Sepat kira-kira jam 5 petang.

Ahmad Ridhwan berka-

ta, pihak polis kemudian menghubungi pegawai kecemasan Klinik Kesihatan Tanjung Sepat untuk bantuan ambulan ke lokasi kejadian.

"Pegawai kesihatan sudah mengesahkan lelaki berusia 53 tahun itu meninggal dunia di tempat kejadian. Siasatan awal dijalankan mendapati tiada unsur jenayah sebelum mayat dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Banting untuk bedah siasat dan mendapati mangsa positif Covid-19," katanya.



PASUKAN perubatan di lokasi kejadian.

Saring 343 penduduk selepas 29 terjangkit

Kuala Pilah: Seramai 343 penduduk di Taman Jemah Murni di sini, menjalani ujian saringan Covid-19, Jumaat lalu, selepas Pusat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Pilah mengesan 29 kes positif wabak berkenaan di taman perumahan terbabit.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Pengurusan Bencana Daerah (JK-PBD) Kuala Pilah Mohd Faizal Abdul Manap berkata, ujian saringan itu dijalankan bermula dari jam 8 hingga 11.30 malam memabatkan lapan agensi ber-

kaitan. "Ujian saringan itu dibuat selepas terdapat 29 kes positif Covid-19 dilaporkan di taman terbabit dalam tempoh tiga hari.

"Peningkatan kes baharu di kawasan itu sangat cepat, jadi sebelum ia merebak menjadi kluster baharu di Kuala Pilah dan menjangkiti penduduk lain, pejabat kesihatan daerah membuat operasi saringan bersasar kepada seluruh penduduk Taman Jemah Murni," katanya ketika dihubungi, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : COVID-19

17,150 kes baharu, 160 korban virus

Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 17,150 kes jangkitan baharu Covid-19 direkodkan, semalam menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu meningkat kepada 1,130,422 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 10,032 kes atau 58.5 peratus adalah pesakit kategori satu iaitu tiada gejala dan 6,373 kes atau 37.2 peratus memabitkan kategori dua yang bergejala ringan.

"Manakala 574 kes adalah pesakit kategori tiga yang mengalami radang paru-paru, kategori empat iaitu radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen (65 kes) dan kategori lima iaitu kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan (106 kes).

"Secara keseluruhannya, hanya 4.3 peratus kes yang dilaporkan hari ini (semalam) berada pada kategori tiga hingga lima iaitu pada mula didiagnosa di mana ia berjumlah 745 kes," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil pendekatan bagi kes kate-

Sebanyak 10,032 kes atau 58.5 peratus adalah pesakit kategori satu tiada gejala



ORANG ramai hadir bagi mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Vaksin Selangor (SelVAX) Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Tropicana Gardens Mall, semalam.

gori satu dan dua yang berisiko rendah untuk dikuarantin atau diisolasi di rumah.

Katanya, seramai 1,059 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 531 kes memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Sebanyak 160 kes kematian dilaporkan hari ini (semalam) menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian akibat Covid-19 ialah 9,184 kes.

"Sebanyak 11,326 kes sem-

buh direkodkan hari ini (semalam), sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh adalah sebanyak 925,965 kes daripada keseluruhan kes," katanya.

Beliau berkata, lima negeri masih mencatatkan pertambahan kes empat angka seperti kelmarin.

Katanya, negeri berkenaan ialah Selangor dengan 6,326 kes, diikuti Kuala Lumpur (2,086 kes); Kedah (1,511 kes); Johor (1,045 kes) dan Sabah (1,002).

"Beberapa negeri mencatatkan pertambahan kes hari ini (semalam) iaitu Pulau Pinang dengan 752 kes; Pahang (676 kes); Sarawak (578 kes) dan Perlis (21 kes).

"Tujuh negeri merekodkan penurunan kes harian berbanding semalam (kelmarin) ialah Negeri Sembilan dengan 809 kes; Perak (693 kes); Melaka (686 kes); Kelantan (459 kes); Terengganu (429 kes); Putrajaya (72 kes) dan Labuan (lima kes)," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Oleh MOHD. AZLI ADLAN, NORLIDA AKMAR IDROS, LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR, ASLIZA MUSA, KHAIRUL MOHD. ALI

Pulang kampung, aktiviti sosial ketika Aidiladha punca peningkatan semula jangkitan Lonjakan kes positif di semua negeri

PETALING JAYA — Peningkatan kes positif harian Covid-19 yang sebelum ini lebih tertumpu di Lembah Klang kini menular ke beberapa buah negeri, sekali gus mencetuskan kebimbangan kepada sistem kesihatan awam di seluruh negara.

Dalam tempoh dua minggu sejak 15 Julai lalu, beberapa buah negeri telah merekodkan pertambahan mendadak yang dikaitkan dengan pelbagai aktiviti sosial terutama pada musim perayaan Aidiladha lalu.

Antara negeri yang mencatat peningkatan ketara termasuklah Kedah, Johor, Sabah, Terengganu dan Perlis.

Sebagai contoh, sebanyak 1,511 kes direkodkan di Kedah semalam, berbanding 695 kes pada 15 Julai lalu, manakala Terengganu mencatat 429 kes pada 31 Julai berbanding hanya 70 kes dua minggu lalu.

Di **Terengganu**, peningkatan mendadak luar jangka di negeri ini dikenal pasti berpunca daripada kedegilan masyarakat yang masih melakukan aktiviti sosial tanpa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) terutama pada sambutan Hari Raya Aidiladha baru-baru ini.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, 883 kes harian yang dicatat pada 30 Julai lalu merupakan angka tertinggi yang dicatat di negeri itu sejak penularan wabak awal tahun lalu.

"Segelintir masyarakat di kawasan masih melakukan aktiviti rentas daerah dan negeri pada sambutan Aidiladha seterusnya mengadakan majlis sosial secara sembunyi-sembunyi.

"Selain itu, penularan pantas kes dalam kalangan komuniti turut disumbang oleh kemasukan



AKTIVITI rentas negeri untuk pulang ke kampung terutama pada musim perayaan menjadi antara punca berlakunya penularan kes di beberapa buah negeri.

pekerja kontrak warga asing yang tidak disaring," katanya.

Ahmad Samsuri juga tidak menolak aktiviti saringan besar-besaran secara bersasar terhadap kontak rapat di beberapa lokaliti turut menyumbang kepada peningkatan kes aktif positif di Terengganu.

Di **Perak**, Kementerian Kesihatan (KKM) menjangkakan akan berlaku peningkatan kes mendadak di negeri ini dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak dengan kerjasama kerajaan negeri dan agensi lain bagaimanapun sedang giat melakukan persiapan bagi menghadapi situasi tersebut.

"Terdapat peningkatan kes Covid-19 di negeri Perak sejak kebelakangan ini terutama kes-kes kategori empat dan lima yang memerlukan rawatan kritikal

atau unit rawatan rapi (ICU).

"Setakat semalam (kelmarin), terdapat 121 pesakit sedang dirawat di ICU dengan kadar purata harian penggunaan katil ICU melebihi 100 peratus," katanya dalam catatan di laman Facebooknya semalam.

Di **Johor**, kerajaan negeri telah mengenal pasti beberapa faktor penyebab kepada peningkatan kes positif Covid-19 yang disumbangkan kluster industri dan kluster dalam komuniti.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R. Vidyannathan berkata, struktur sosioekonomi negeri Johor yang berasaskan industri turut menjadi faktor penyumbang.

"Johor telah menyediakan konsep Johor Industrial Preparedness Plan (JIPP) yang menekankan tanggungjawab industri mengambil tindakan pencegahan dan kawalan lebih ketat terhadap Covid-19," jelasnya.

Di **Sabah**, kerajaan negeri bakal mengumumkan polisi baharu dalam usaha menangani peningkatan kes di negeri ini.

Jurucakap kerajaan Sabah berkaitan Covid-19, Datuk Seri Masidi Manjun berkata, selain memperhebatkan saringan besar-besaran, pihaknya juga akan meningkatkan pemberian vaksin kepada penduduk.

"Kita bukan hanya tumpu kepada saringan besar-besaran tetapi juga meningkatkan pemberian vaksin," katanya.

Di **Perlis**, kerajaan negeri menetapkan hanya seramai 12 orang terdiri daripada pegawai bertugas iaitu imam, bilal dan siak serta jawatankuasa kariah dibenarkan untuk melaksanakan solat jemaah di ruang terbuka di enam buah masjid di Kuala Perlis bermula semalam.

Enam masjid terlibat ialah Masjid Rahmania, Kuala Perlis; Masjid Saidina Abu Bakar As-

Perbandingan jumlah kes

Negeri	15 Julai	1 Ogos
Selangor	6,120	6,326
Johor	599	1,045
Kedah	695	1,511
Terengganu	70	429
Perlis	3	21
Sabah	370	1,002

Siddiq, Seberang Ramai; Masjid Terapung Al-Hussain; Masjid Al-Firdaus, Padang Besar Selatan; Masjid Al-Munir, Jalan Batu Lima dan Masjid Al-Mukminin, Kota Kayang.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah, pelaksanaan aktiviti pengimaran secara terhad di masjid-masjid tersebut telah mendapat perkenan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail setelah meneliti perkembangan semasa penularan pandemik di seluruh negara termasuk Perlis.

Di **Melaka**, kerajaan negeri membatalkan perancangan untuk membangunkan hospital medan di Hospital Jasir, sebaliknya pusat rawatan sementara akan dibuka di Hospital Melaka dalam masa terdekat.

Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md. Ali berkata, perubahan lokasi dibuat setelah mengambil kira kemudahan fasiliti asas termasuk bekalan elektrik yang diperlukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk membangunkan hospital tersebut.

Jelasnya, hospital berkenaan dijangka dibangunkan di dataran parkir Hospital Melaka kerana mempunyai keluasan sesuai.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



ORANG ramai beratur untuk mendapatkan suntikan vaksin di pusat beli-belah Tropicana Gardens, Kuala Lumpur semalam. - SHIDDIQIIN ZON

Pesakit aktif lepasi 195,000, 160 lagi kematian

Kes kekal lebih 17,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kes aktif dengan kebolehanjangkitan Covid-19 terus meningkat setiap hari dengan semalam melepasi 195,000 iaitu sebanyak 195,273 kes termasuk 1,059 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 531 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Kes harian pula masih melebihi angka 17,000 untuk kali kelima dengan 17,150 kes termasuk satu kes import semalam, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 1,130,422 kes.

Negara mencatatkan kes harian tertinggi pada kelmari iaitu sebanyak 17,786 kes seterusnya pada 28 Julai (17,405 kes), 27 Julai (17,170 kes) dan 25 Julai (17,045 kes).

Sebanyak 11,326 kes sembuh turut dicatatkan sekali gus masuk hari keenam berturut-turut pesakit sembuh melepasi angka 10,000 dengan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada sebanyak 925,965 kes.

Terdapat 160 kes kematian dengan 20 warga asing terdiri daripada 94 lelaki dan 66 wanita, manakala sebanyak 20 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lima negeri kekal merekodkan kes empat digit iaitu Selangor (6,326 kes), diikuti oleh Kuala Lumpur (2,086 kes), Kedah (1,511 kes), Johor (1,045 kes) dan Sabah (1,002 kes).

"Dalam masa sama, sebanyak 745 kes (4.3 peratus) daripada kes harian tersebut adalah kategori tiga, empat dan lima, manakala 16,405 kes (95.7 peratus) daripada kategori satu dan dua.

"Ini berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosis Covid-19. Ada antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga berubah status kesihatan sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi," katanya dalam kenyataan

akhtar di sini semalam.

Mengikut status vaksinasi kes Covid-19, sebanyak 106 kes kategori lima dengan 10 kes ada sejarah vaksinasi dan 96 kes tiada sejarah vaksinasi serta 65 kes kategori empat dengan 18 kes ada sejarah vaksinasi dan 47 kes tiada sejarah vaksinasi.

"Bagi kategori tiga pula sebanyak 574 kes iaitu 143 kes ada sejarah vaksinasi dan 431 kes tiada sejarah vaksinasi, manakala sebanyak 6,373 kes kategori dua dengan 1,858 kes ada sejarah vaksinasi dan 4,515 kes tiada sejarah vaksinasi.

"Terdapat 10,032 kes kategori satu pula dengan 804 kes ada sejarah vaksinasi dan 9,228 kes tiada sejarah vaksinasi," ujarnya.

Dr. Noor Hisham berkata, sebanyak 23 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 11 kluster tempat kerja, lapan kluster komuniti, dua kluster kumpulan berisiko tinggi serta masing-masing satu kluster institusi pendidikan Kementerian Pendidikan dan pusat tahanan.

KKM saran tangguh sesi Parlimen 2 minggu

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) mencadangkan semua sesi mesyuarat termasuk Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan dan Pilihan Khas Parlimen ditangguhkan sementara waktu untuk tempoh dua minggu bermula 29 Julai lalu.

Penangguhan sementara itu turut meliputi pengambilan yang dirancang di Parlimen atau yang membabitkan individu berada di bangunan berkenaan pada 26 hingga 29 Julai lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, cadangan KKM itu mengambil kira hasil penilaian risiko semasa dan bagi mencegah penularan jangkitan Covid-19 daripada berlaku di Parlimen.

"Hasil penilaian risiko yang dilakukan selepas mengambil kira faktor epidemiologi serta persekitaran mendapati sidang Parlimen adalah perhimpunan berisiko tinggi untuk berlaku penularan Covid-19," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, salah satu faktor epidemiologi menunjukkan enam kes iaitu kes pertama dan lima kes pengesanan lanjut dengan ujian RT-PCR adalah dengan kadar kebolehanjangkitan tinggi dan berpotensi menjadi *super-spreader*.

"Seperti sedia maklum kebolehanjangkitan adalah tinggi dua hari sebelum bergejala dan berterusan sehingga hari ke tujuh.

"Pergerakan kes di sekitar kawasan Parlimen yang berkeungkinan boleh menyebabkan pendedahan kepada individu lain," ujar beliau.

Selain itu, beliau berkata, ramai dalam kalangan yang

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu: Imported	17,150
Import: Imported	17,149
Tempatan: Imported	17,149
Pulih	11,326
Kematian	160
Masih dirawat	195,273
Jumlah kes sembuh	925,965
Jumlah Kematian	9,184
Jumlah kes keseluruhan	1,130,422

hadir ke Sidang Mesyuarat Khas Parlimen dalam kategori warga emas dan kemungkinan mempunyai faktor komorbid yang meningkatkan risiko jangkitan.

"Faktor lain ialah tidak semua individu yang hadir di Parlimen telah mendapat vaksinasi Covid-19 yang lengkap" jelasnya.

Beliau berkata, penilaian risiko kejadian jangkitan Covid-19 di Parlimen akan dinilai semula dari semasa ke semasa.

Menurutnya, semua individu yang berada di Parlimen pada 26 hingga 29 Julai lalu dinasihatkan memantau status kesihatan secara sendiri menggunakan aplikasi MySejahtera.

Tambah Dr. Noor Hisham, keadaan dewan Parlimen yang bertutup meningkatkan risiko penularan jangkitan memandangkan virus SARS-CoV-2 tersebar atau menular melalui udara dan boleh kekal dalam persekitaran selama beberapa jam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Semua guru divaksin sebelum September

Seramai 85,000 guru di seluruh negara akan terima suntikan vaksin sebelum sekolah dibuka

KOTA TINGGI

Seramai 85,000 guru di seluruh negara yang masih belum mendapat suntikan vaksin Covid-19, dijangka menerima sekurang-kurangnya dos pertama vaksin itu sebelum sesi persekolahan dibuka September ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, ketika ini senarai penuh nama guru telah diberikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF) dalam memastikan semua warga pendidikan divaksinasi sebelum sekolah dibuka.

Beliau berkata, selain guru, anggota kumpulan pelaksana dan perkhidmatan sokongan termasuk pengendali kantin sekolah, pemandu bas dan van sekolah serta pengawal keselamatan sekolah, juga akan mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 dalam usaha mencapai imuniti di kawasan sekolah.

"Saya sendiri telah meneliti dan membuat permintaan kepada CITF untuk memberi suntikan vaksin kepada golongan ini se-



Dr Adham (duduk, kanan) memberi suntikan vaksin Covid-19 kepada seorang penerima ketika membuat tinjauan ke Program Outreach Vaksinasi bersama Institut Jantung Negara (IJN) di Dewan Serbaguna Kampung Semangar Dalam, Kota Tinggi pada Ahad.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

belum September," katanya kepada pemberita selepas meninjau Program Outreach Vaksinasi bersama Institut Jantung Negara (IJN) di

Dewan Serbaguna Semangar di sini pada Ahad.

Setakat ini, 326,998 orang guru telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin manakala seramai 215,999 orang guru telah lengkap menerima dua dos vaksin Covid-19.

Mengenai pemberian vaksin kepada pelajar berusia 12 hingga 17 tahun, Dr Adham berkata, kementerian sedang meneliti data klinikal yang lebih tepat dan terkini daripada Pfizer sebelum

membuat keputusan untuk menjalankan vaksinasi terhadap kumpulan itu.

Sementara itu, 1,500 vaksin diberikan kepada masyarakat orang asli dari Kampung Kempas Menang, Kampung Pasir Intan dan Kampung Sayung Pinang di daerah Kota Tinggi menerusi program outreach tersebut.

- Bernama



Laporan Sinar Harian 24 Julai lalu.



Dr Noor Hisham (tengah) ketika lawatan kerja ke Hospital Slim River tengah malam Sabtu.

Perak catat peningkatan kes Covid-19 perlu rawatan kritikal dan ICU

IPOH - Perak mencatatkan peningkatan kes Covid-19 kategori 4 dan 5 yang memerlukan rawatan kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU), kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Setakat Sabtu, terdapat 121 pesakit Covid-19 di Perak yang sedang dirawat di ICU dengan kadar purata tujuh hari penggunaan katil ICU melebihi 100 peratus.

"Jabatan Kesihatan Negeri Perak dengan kerjasama kerajaan negeri dan pelbagai agensi sedang giat melaku-

kan persiapan bagi menghadapi peningkatan mendadak kes Covid-19 yang diramalkan berlaku dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perkongsian di laman Facebook yang turut memuat naik beberapa gambar lawatan kerjanya ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh, Hospital Taiping, Hospital Tapah dan Hospital Slim River malam Sabtu.

Katanya, sebuah bilik gerakan telah ditubuhkan bagi memastikan ke-

tersediaan katil untuk merawat pesakit Covid-19 di Perak dan sebanyak 223 katil wad serta 42 katil ICU telah dikhaskan untuk rawatan Covid-19 di HRPB yang mula merawat pesakit wabak itu mulai Januari tahun lalu.

Dalam pada itu, beliau berkata, persiapan juga sedang giat dilaksanakan bagi menghadapi peningkatan kes Covid-19 di Hospital Slim River yang turut menerima rujukan kes Covid-19 kategori 3 hingga 5 dari Selangor. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Sebanyak 17,150
kes positif Covid-19
dicatatkan negara
pada Ahad

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia melaporkan sebanyak 17,150 kes baharu positif Covid-19 pada Ahad.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor kekal melaporkan kes tertinggi iaitu 6,326 kes diikuti Kuala Lumpur 2,086 kes.

"Kedah (1,511), Johor (1,045), Sabah (1,002), Negeri Sembilan (809), Pulau Pinang (752), Perak (693), Melaka (686), Pahang (676), Sarawak (578), Terengganu (429), Putrajaya (72), Perlis (21) dan Labuan (lima)," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 745 kes adalah daripada kategori tiga, empat dan lima manakala sebanyak 16,405 kes lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Ini berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu di diagnosis Covid-19.

"Ada antara kes kekal di kategori sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang

Kes baharu kekal 17,000



Orang ramai hadir bagi mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Vaksin Selangor (SelVAX) Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Tropicana Gardens Mall pada Ahad.

berubah status kesihatan kes, sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi," ujar beliau.

Dalam pada itu, menurutnya, KKM turut mencatat 160 kes kematian melibatkan 55 kes di Selangor, 25 kes di Kuala Lumpur dan masing-masing 14 kes di Negeri Sembilan serta Johor.

"Masing-masing 10 kes di Melaka dan Kedah, Pahang (lapan), Sabah (tujuh), Pulau Pinang (enam), masing-masing empat kes di Kelantan dan Perak,


serta tiga kes di Terengganu," menurutnya.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 195,273 kes aktif di seluruh negara dan 1,059 pesakit yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU).


Katanya, sebanyak 23 kluster baharu yang dikesan membabitkan 11 kluster tempat kerja, diikuti dengan kluster komuniti (lapan), kumpulan berisiko tinggi (dua) dan masing-masing satu kluster daripada institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pusat tahanan.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 1 Ogos 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
1,130,422	925,965	1,059	9,184	17,150	20,533,660

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

KKM bimbang varian Delta tingkat risiko jangkitan di Parlimen

SHAH ALAM – Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah melahirkan kebimbangan bahawa varian Delta dalam negara akan menyebabkan risiko penularan jangkitan di Parlimen.

Susulan itu, Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meniadakan semua sesi mesyuarat termasuk Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan dan Pilihan Khas Parlimen pada 26 Julai sehingga 29 Julai 2021 ditangguhkan untuk tempoh dua minggu bermula dari 29 Julai 2021.

Ujar beliau, saranan tersebut dibuat setelah mengambil kira hasil penilaian risiko semasa dan bagi mencegah penularan jangkitan Covid-19 daripada berlaku di Parlimen.

